

29.7.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

KERJA-KERJA PELEBARAN JALAN JKR: GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL 12 JAM UNTUK PELENCONGAN SALURAN PAIP 900MM DI JALAN SUNGAI BAKAP, SEBERANG PRAI SELATAN.

Butiran penting: Gangguan bekalan air berjadual 12 jam semalaman	
Masa/Hari/Tarikh	Dari jam 10.00 malam, Jumaat, 2.8.2019 hingga 10.00 pagi, Sabtu, 3.8.2019.
Sebab	Pelencongan saluran paip bekalan air sedia ada 900mm MS jauh daripada tapak projek pelebaran jalan JKR
Jumlah pengguna terjejas	Kira-kira 40,000

PULAU PINANG, Isnin (29.7.2019): Saluran paip bekalan air 900mm MS (keluli lembut) sedia ada akan dilencongkan dari tapak projek pelebaran jalan JKR di Jalan Sungai Bakap pada Jumaat malam.

Bagi membolehkan kerja-kerja pelencongan paip, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) terpaksa menghentikan tugas saluran paip 900mm buat sementara waktu.

Henti tugas saluran paip akan mengganggu perkhidmatan bekalan air kepada kira-kira 40,000 orang di Seberang Prai Selatan yang akan mengalami bekalan air terputus dan/atau tekanan air rendah selama 12 jam semalaman.

Kawasan terjejas

Pengguna-pengguna air di kawasan berikut dinasihati untuk menyimpan air yang mencukupi untuk kegunaan dari jam **10.00 malam Jumaat, 2.8.2019, hingga 10.00 pagi Sabtu, 3.8.2019:**

1	Taman Widuri
2	Sungai Udang
3	Tanjung Berembang
4	Bandar Baru

Sila rujuk peta pada 'Appendix A' yang memaparkan semua kawasan yang terjejas.

Sila ambil perhatian bahawa gangguan bekalan air berjadual ini adalah berkaitan dengan kerja-kerja pelebaran jalan JKR di Jalan Sungai Bakap.

Saluran paip bekalan air 900mm mesti dialih dengan selamat dari tapak kerja JKR untuk mengelakkan kejadian seperti saluran paip pecah yang akan menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual.

PBAPP memohon maaf di atas segala kesulitan yang berlaku. Sila simpan air yang mencukupi untuk kegunaan semalaman.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



**APPENDIX A :
SCHEDULED WATER SUPPLY INTERRUPTION :
AFFECTED AREAS AT JALAN SUNGAI BAKAP,
SEBERANG PRAI SELATAN.**

**10.00 pm, Friday, 2.8.2019 to
10.00 am, Saturday, 3.8.2019**

 **Affected Areas**

